

09/01/1998

Belanja untuk barang tempatan

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan tidak menghalang rakyat yang mempunyai banyak wang untuk berbelanja asalkan mereka membeli barangan buatan Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu supaya rakyat berbelanja secara berhemat dengan membeli barangan Malaysia kerana jika rakyat tidak berbelanja langsung, peniaga mungkin mengalami kerugian.

"Mesti ada satu persefahaman mengenai perkara ini.

"Apa yang rakyat perlu ialah membelanja wang membeli barangan Malaysia di Malaysia," katanya selepas melancarkan Gerakan Pemantapan Keutuhan Dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan di Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah (BPR) di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar bahawa rakyat masih berbelanja secara berlebihan walaupun diminta tidak berbuat demikian berikutan kegawatan ekonomi negara sekarang.

Menurut Dr Mahathir, jika rakyat mempunyai wang lebih, mereka boleh membelanjakannya tapi bukan dengan membeli barangan buatan asing.

"Bila pergi beli barang asing, itu yang jadi masalah.

"Tapi, kalau orang tak berbelanja, perniagaan akan lingkup," katanya sambil menambah rakyat juga akan menghadapi masalah jika mereka berbelanja lebih daripada kemampuan.

Mengenai kekurangan gula di pasaran, Perdana Menteri berkata, laporan akhbar berlebihan mengenai kekurangan bekalan bahan itu mendorong pengguna berebut mendapatkan gula sehingga kehabisan stok.

Beliau menolak dakwaan beberapa pihak bahawa kekurangan bekalan gula sekarang berpunca daripada pengumuman awal kerajaan mengenai kenaikan harga bahan itu yang berkuatkuasa 1 Februari ini.

"Kita hari-hari sebut mengenai gula. Kita ambil gambar tunjuk kata tak ada gula.

"Bila kita ambil gambar tunjuk gula tak ada dalam kedai, semua orang berebut pergi beli gula.

"Begitu juga bila orang baca dalam akhbar... gula tak cukup, semua orang pergi kedai cari gula. Ada gula, dia beli habis.

"Jadi, keadaan itu berlaku bukan kerana harga tapi sebab media kata gula tak cukup," katanya.

Ditanya mengenai ringgit yang jatuh pada paras terendah berbanding dolar Amerika semalam, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak dapat mengawal kejatuhan nilai mata wang sekarang kerana ia ditentukan kuasa pasaran.

"Kita tak ada kuasa tentukan nilai mata wang. Pasaran yang tentukan.

"Tetapi apabila pasaran tak ada keyakinan, mata wang kita akan jatuh," katanya.

Perdana Menteri berkata, keadaan kini jelas menunjukkan pasaran lebih berkuasa dalam mendisiplinkan kerajaan dan bukan sebaliknya apabila kerajaan sepatutnya menentukan pasaran.

"Kerajaan di Asia Timur sekarang sedang didisiplinkan oleh pasaran," katanya.

Semalam, Datuk Seri Anwar Ibrahim, melalui kenyataannya, mengesahkan Bank Negara memasuki pasaran untuk menyokong ringgit memastikan kestabilan mata wang.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, 'operasi campur tangan' itu dijalankan bagi membolehkan pasaran tukaran asing berjalan dengan cekap.

(END)

